

07 SEP 2001

MAHATHIR-E NIAGA

WUJUDKAN KELOMPOK KRITIKAL UNTUK BERSAING DALAM E-NIAGA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Ekonomi-ekonomi serantau perlu mengurangkan jurang digital dan mewujudkan kelompok kritikal untuk bersaing sama rata dalam pasaran e-niaga yang menguntungkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam ucapan beliau yang dibentangkan oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di upacara penyerahan anugerah teknologi maklumat dan komunikasi Asia Pasifik di sini malam ini, beliau turut menyatakan bahawa peluang-peluang e-niaga di rantau Asia Pasifik amat besar.

Bagaimanapun, negara-negara membangun perlu memastikan bahawa mereka tidak ketinggalan dalam mengaut peluang-peluang yang ditawarkan oleh dunia jaringan kerja, katanya.

Ramalan tentang e-dagang yang optimistik bagi rantau ini adalah berdasarkan kepada anggaran Forrester Research di mana institusi itu menganggarkan bahawa menjelang 2004, Asia Pasifik akan menjana AS\$1.6 trilion (AS\$1 = RM3.8) dalam bentuk pendapatan e-dagang.

"Ini adalah tempat kedua selepas Amerika Syarikat, dan ia dijangka melebihi rantau-rantau lain di dunia ini," kata Dr Mahathir.

Pada tahun yang sama, e-dagang niaga-ke-niaga (B2B) di Asia, dianggarkan mencecah AS\$330 bilion, tambahnya.

Seiringan dengan pertumbuhan yang mengagumkan dalam industri e-dagang di rantau ini, adalah kadar pemilikan komputer, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kadar pertumbuhan tahunan berganda bagi pemilikan komputer peribadi dijangka melebihi 10 Peratus di kebanyakan negara Asia dari tahun 2000 hingga tahun 2003.

Menurut perdana menteri, e-niaga telah meningkat tetapi aliran perdagangan dan terma-terma dagangan mungkin masih menghala ke satu arah.

Beliau berkata peluang dan faedah biasanya mengalir dari ekonomi membangun ke ekonomi maju kerana ekonomi-ekonomi maju mendahului dari segi teknologi dan kekayaan ekonomi.

Jika negara-negara membangun dan industri masing-masing tidak bersedia untuk menerima pakai dan mengeksploitasi teknologi-teknologi baru, mereka akan hanya ketinggalan di belakang dalam ekonomi baru sepertimana yang berlaku dalam ekonomi lama, tegas beliau.

Cabaran utama ialah untuk bergerak pada kelajuan yang dapat menyaingi negara-negara maju dan membina kelompok kritikal yang diperlukan.

Kerajaan-kerajaan perlu menangani masalah jurang digital supaya dapat berubah menjadi ekonomi yang benar-benar berasaskan pengetahuan. Kekurangan capaian kepada internet akan menyebabkan pengetahuan menonjolkan lagi jurang digital yang semakin melebar itu, tambah beliau

Beliau juga berkata adalah perlu untuk dipastikan tarif rangkaian berdaya saing, perkakasan capaian murah dan sokongan mencukupi kepada penduduk untuk mendapatkan komputer peribadi (PC).

Beliau berkata negara-negara membangun perlu memastikan usaha-usaha ini diteruskan dengan agresif ke satu tahap yang menjanjikan pertumbuhan berterusan.

Ini adalah untuk memastikan kesinambungan pertumbuhan dalam perkembangan pelanggan internet bagi negara-negara membangun bukan sahaja dicapai malah mengatasi anggaran, kata perdana menteri.

Beliau berkata Gartner Dataquest baru-baru ini mengunjurkan bahawa menjelang tahun 2003, pelanggan internet di rantau Asia Pasifik akan berkembang kepada 183 juta orang.

Mencapai tahap itu bermakna pelanggan internet di Asia Pasifik telah melebihi jumlah di Amerika Syarikat dengan 163 juta orang pelanggan.

Dr Mahathir berkata ini adalah hasil daripada penurunan dalam kos capaian dan peningkatan dalam prasarana telekomunikasi di negara-negara Asia Pasifik.

Beliau juga berkata terdapat isu-isu yang perlu diselaras melepasi sempadan bagi memastikan satu persekitaran yang membantu para peserta untuk beroperasi dan untuk industri ini untuk berkembang.

Isu-isu ini berkaitan dengan perlindungan harta intelektual, definisi tempat jualan barangan dan perkhidmatan secara elektronik bagi tujuan pencukaian, perlindungan pengguna, penyelesaian masalah dan rangka kerja sekuriti dan kawal selia lain.

Menyentuh mengenai aspek positif dan negatif liberalisasi, beliau berkata ia akan mengurangkan pintu kemasukan peserta-peserta asing.

Perdana menteri berkata ini akan membolehkan ekonomi-ekonomi sedang muncul menarik aliran masuk modal, menggalakkan persaingan, mengurangkan kos, kos dana yang lebih murah dan inovasi.

Bagaimanapun, katanya, menerjah ke dalam ekonomi global yang diliberalisasikan mempunyai risikonya tersendiri.

"Negara-negara yang tidak begitu bersedia mungkin perlu melaksanakan beberapa langkah berjaga-jaga dalam mengusahakan dasar-dasar liberalisasi," katanya.

Dr Mahathir berkata liberalisasi yang dipercepatkan mungkin akan menyebabkan sesebuah negara itu kehilangan bahagian keuntungan daripada ekonominya kepada orang asing.

Memandangkan keadaan semulajadi persaingan yang tinggi dalam ekonomi global yang diliberalisasikan, kerajaan-kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam memperbetulkan ketidaksopanan pasaran.

Jika isu-isu ini tidak ditangani menerusi campurtangan dasar pada peringkat kerajaan dan perniagaan, modal akan bergerak ke arah beberapa "pusat kegiatan" terpilih sahaja.

Oleh kerana pusat-pusat kegiatan itu berjaya memajukan kelompok kritikal pengguna dan pengeluar, gerakan ke arah itu akan terus melebarkan jurang digital.

Beberapa campur tangan dasar perlu dipertimbangkan oleh negara-negara membangun, kata perdana menteri.

Dr Mahathir berkata terdapat juga keperluan untuk mengukuhkan sektor pendidikan bagi memastikan pertumbuhan pekerja-pekerja mahir dan berbakat.

Juga terdapat keperluan menyediakan gabungan insentif dan persekitaran yang baik yang akan menarik industri-industri berasaskan pengetahuan, katanya.

Beliau berkata ini termasuklah kedua-dua prasarana utama dan sampingan.

Dalam memajukan prasarana utama, negara-negara membangun perlu menangani kos tinggi pembangunan prasarana.

Ini boleh jadi terlalu mahal, terutama kepada negara-negara yang masih terperangkap dengan penyediaan prasarana asas seperti air dan elektrik.

Sementara itu, anugerah ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) Asia Pasifik atau APICTA adalah satu daripada inisiatif utama Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk merangsang pertumbuhan usahawan kecil dan sederhana.

Dr Mahathir berkata APICTA adalah landasan terbaik untuk memperkenalkan dan menggalakkan minat dalam penyelidikan dan pembangunan ICT.

Ia berfungsi sebagai cara atau kaedah untuk mempererat para peserta industri ICT di rantau ini menerusi peluang-peluang jaringan antara mereka sendiri dan juga pemodal teroka.

Anugerah itu mengiktiraf kreativiti, inovasi dan aplikasi terkini yang dimajukan oleh usahawan teknologi di rantau ini.

Program anugerah antarabangsa ini akan menjadi petunjuk aras bagi

syarikat-syarikat bersaing antara satu sama lain dan menaikkan tahap kesedaran tentang aset kecekapan yang dihajati.

Penerima anugerah itu mempamerkan produk dan perkhidmatan dalam pelbagai kategori daripada pendidikan hingga kepada e-dagang, dan daripada multimedia hingga kepada hiburan. -- BERNAMA

MFZ FR ZK JR